

Baju Melayu Johor ‘Kurung Teluk Belanga’: Perkembangan Gaya dan Penampilan Jatidiri Budaya

SITI ZAINON ISMAIL

ABSTRAK

Baju Melayu Johor ‘Kurung Teluk Belanga’ sudah dikenali sejak awal abad yang ke-18. Penampilan avalnya dikenal pasti sejak wujudnya pemerentahan Melayu di Teluk Belanga. Perpindahan pusat pemerentahan ke Tanjung Puteri makin memperkokohkan gaya baju Melayu itu sehingga menerbitkan jati diri budaya orang Melayu Johor. Makalah ini cuba menyoroti keindahan baju Melayu Johor daripada sudut adat istiadat dan etika peragaannya walaupun bahan kelengkapan asasnya masih dibauri berbagai unsur luar dan menarangkan bagaimana istilah Teluk Belanga menjadi popular sehinggakan dikaitkan dengan pemerentah Johor Bharu dan juga sebab-sebab baju Melayu Johor ini dapat dipertahankan.

Kata kunci: Baju Melayu Johor, Kurung Teluk Belanga, Temenggung, Sultan Hussin, Tanjung Putri.

ABSTRACT

This article provides a sociological study of baju Melayu Johor, which was known too as Kurung Teluk Belanga in its early days. Historically, its origin can be traced back to the establishment of Temenggung rule, with strong backing by the British in Teluk Belanga, Singapore, in the early 18th century. It is reported that the name for this attire was given by Bugis-Malays who happened to be the descendants of Temenggung. Made from cloth which was easily available in Johor which was then an important trading entreport, following the collapse of Malacca, this Malay attire for men is popular in Peninsular Malaysia, Sumatra and Brunei in official ceremonies and social functions, such as wedding. Basically comprising of a shirt, sarung or kain samping, a trouser and songkok, thus differ from the long-robed attire worn by the Chinese or the Indians or the Minangkabaus, it was accepted by Bugis, Malays and Orang Laut. This article explains its unique characteristics.

Key words: Baju Melayu Johor, Kurung Teluk Belanga, Temenggung, Sultan Hussin, Tanjung Putri.


PENGENALAN LATAR SEJARAH

Daripada sudut sejarah dan budaya, yang dimaksudkan dengan Baju Melayu Johor (Rajah 1) pada awalnya disebut sebagai ‘baju kurung Teluk Belanga’ (Rajah 2) ialah persalinan lengkap atau busana lelaki Melayu yang menjadi ciri reka bentuk khas di wilayah budaya Johor khususnya, sejak ketuanan Melayu daripada keturunan Temenggung bertapak di Teluk Belanga, Singapura. Asalnya juga dikenali sebagai ‘baju kurung Melayu’ kerana polanya telah disebut dalam zaman kesultanan Melaka: baju dipakai secara sarung, mengurungkan badan. Istilah baju Melayu Teluk Belanga digunakan bagi merujuk persalinan orang atau pengikut Temenggung Seri Maharaja yang menguasai Johor, Singapura dan pulau-pulau di sekitarnya (Buyung Adil 1971). Pengikut Temenggung terdiri daripada orang Melayu, Orang Laut dan peranakan Bugis yang kemudian disebut sebagai orang Teluk Belanga (Abdullah Kadir Munsyi 1960: 179-182). Kuasa kerajaan Temenggung sebagai pemerentah kerajaan baru Johor berlangsung sepanjang tahun 1855-1917 (Siti Zainon 1991: 248). Semenjak kuasa Bugis yang diwakili Yang Dipertuan Muda mula mengendur, kuasa Melayu mula bertapak di Teluk Belanga, khususnya selepas Temenggung Abdul Rahman meninggalkan Pulau Bulang pada tahun 1823. Perkembangan itu boleh dilihat daripada semua tanah Singapura, kecuali kediaman Temenggung di Teluk Belanga dan Sultan Hussin di Gelam diserahkan kepada kompeni Inggeris, melalui perjanjian dengan Stamford Raffles.

WARISAN BUDAYA DAN ADAT TELUK BELANGA

Keturunan Temenggung di Teluk Belanga telah mendapat sokongan Inggeris, terutamanya sejak berkuasanya Temenggung Ibrahim (Buyong 1971: 182). Temenggung Ibrahim turut membantu Inggeris membangunkan Teluk Belanga sehingga tempat itu diiktiraf sebagai kawasan khas istana dengan makam keluarga diraja pada tahun 1862. Temenggung juga diberi kuasa penuh untuk menjaga keamanan anak buahnya daripada orang Bugis, Melayu dan Orang Laut. Mereka juga telah dapat disatukan melalui budaya dan adat istiadat, khususnya dalam cara berpakaian sehingga terbitnya pola pakaian orang Teluk Belanga yang kemudian dikenali sebagai ‘baju Teluk Belanga’. Di sebaliknya, hubungan baik antara Inggeris dengan Temenggung bukan sahaja semakin melemahkan kuasa Sultan Hussin, terutamanya di kawasan orang Melayu di istana Gelam, tetapi juga menyebabkan tidak ada orang menyebutkan gaya baju Melayu Gelam.

Daripada sudut sejarah, kerajaan Johor Riau meneruskan adat istiadat berpakaian Raja-raja Melayu daripada kerajaan Melayu Melaka. Perkara ini dicatat dengan jelas daripada petikan yang berikut:



RAJAH 1. Baju Melayu Johor: Cekak Musang dan 'Kurung Teluk Belanga', samping dagang luar



RAJAH 2. Kurung Teluk Belanga Dagang Dalam

... dengan undang-undangnya daripada zaman Sultan Iskandar Syah... . Adalah raja yang pertama masuk negeri yang berkat, al-Sultan Muhammad Syah ... yang ialah raja yang pertama masuk agama Islam, meletakkan adat perintah segala raja-raja dan segala menteri dan Orang Besar-besarnya...lalu turun kepada baginda al-Sultan Muzaffar Syah, turun kepada Sultan Mansur Syah, dan turun kepada putera baginda Mahmud Syah: ialah empunya hukum adat istiadat perintah, datang kepada sekarang. (A. Samad Ahmad 1985: 41)

Dalam adat istiadat, telah diperikan tatacara berpakaian dengan pantang larang berbusana yang disebut dengan 'cara pakai Melayu'. Antaranya dilarang memakai 'kain punca tergantung', kain bulang di luar baju 'dagang luar' bagi orang kebanyakan atau aturan menentukan bahan dan corak kainnya. Lebih penting lagi ialah semua peraturan ini diawasi 'penghulu istana' yang juga mengawasi adat pertabalan dan perkahwinan yang melibatkan cara berpakaian, terutamanya bahan tekstil dengan jenis dan aneka coraknya. Antara jenis tekstil (Jadual 1) yang popular sebagai warisan budaya kerajaan Melayu ialah cindai, kain berantai, songket, kain khasa, kain batik, kain bugis dan sutera. Pakaian adat istiadat itu dilengkapkan lagi dengan peralatan wali, tetampuan dan selempang, yang membezakannya menjadi warisan raja-raja Melayu atau

JADUAL 1. Pemakaian tekstil alam Melayu

Jenis kain	Asal	Fungsi		Simbol – status
		umum	adat istiadat	
1. cindai	India	bengkung, selendang	majlis rasmi	raja/anak raja
2. pakan emas, songket	Terengganu, Kelantan	sarung, samping, destar	"	raja/org bergelar
3. khamka dewangga	India, China	bahan baju	"	"
4. tenun bercorak	Bugis, Samarenda, Sambas, Muar	sarung	setengah rasmi	orang patut-patut
5. khasa	India, China	bahan baju	"	anak raja
6. batik	Jawa, Jambi	kain panjang, destar	rasmi, harian	pembesar Bugis
7. pelangi	Jawa, Terengganu, Kelantan	selendang, destar	setengah rasmi	pembesar, pahlawan
8. telepuk	Bugis, Terengganu, Kelantan	sarung, baju, destar	rasmi	raja, anak raja
9. pelekat	Pulicat (India)	sarung	harian	orang biasa
10. kapas	India	baju, seluar	harian	orang biasa

diperbuat daripada bahan tekstil sederhana yang sedia ada dan memang dijual semenjak Johor menjadi pusat perdagangan utama, khususnya setelah kejatuhan Melaka. Sepanjang tahun-tahun 1699 – 1819, Johor telah muncul menjadi pelabuhan utama. Kapal-kapal dari Bugis (Makkasar), Aceh, Gujerat (India), Parsi, China, Belanda, Sepanyol dan lain-lain telah berlabuh dan memperkenalkan aneka jenis tekstil. Tekstil-tekstil itu, seperti kain sutera corak Bugis, kain corak ‘batubara Aceh’, cindai ‘Acheh rusak’, cindai atau patola India. Kain corak Muar, songket bercorak bunga tabur, songket penuh atau teluk berantai – pakan, kain Siam, kain Kemboja dan kain Palembang amatlah popular di kalangan masyarakat dan pembesar Melayu Johor. Tekstil-tekstil itu dijadikan ‘kain’ sarung dipakai secara sarung – kedua-dua puncanya dihubungkan, atau kain samping dipakai melapisi seluar panjang lelaki, melainkan kain cindai yang kerap dijadikan bengkung atau selempang dalam upacara adat peminangan, bersiram tabal, mandi bersuci, kain dukung bayi atau penutup jenazah atau juga disebut sebagai kain cindai – limar berayat. Antara tekstil yang dijadikan bahan untuk baju dan seluar ialah kain *geramsut* Sham, bercorak berdiri yang dibawa oleh pedagang Gujerati atau Parsi, kain sutera China aneka warna tidak berbunga untuk lelaki dan berbunga kecil untuk perempuan, kain khas India yang tidak berbunga untuk baju atau berbunga kecil yang kerap dijadikan selendang atau baju pandak untuk anak-anak orang bergelar (A. Samad Ahmad 1966: 96).

BAJU KURUNG LEHER BULAN-BULAN

Baju kurung leher bulan-bulan adalah ciri khas baju Melayu Teluk Belanga yang kini menjadi ciri khas Johor. Leher bertebuk ‘bulan-bulan’ dihiasi sulaman ‘tikam belud’, ‘jari lipan’ atau ‘tulang pari’ dan kancing sebutir ‘buah baju tunggal-tunggalan’ atau ‘bulat menelur burung’, ‘bertangkai menudung petai’ atau ‘bermata bagai cincin’ (Effendy 1989: 45). Pola pada bahagian leher ini membezakannya daripada leher ‘cekak musang’ berkancing tiga atau lima, walaupun persamaan masih ketara di bahagian tangan dan badan yang dihubungkan melalui pisak dan kekek. Pola leher bulat ini dapat juga dikesan dalam pakaian masyarakat lain yang ada hubungan dengan alam Melayu, terutamanya baju Gujerati atau ‘kurta’ atau leher bulat gaya masyarakat Cina kebanyakannya. Sementara itu, leher cekak musang mewarisi leher baju jubah potongan Cina daripada golongan bangsawan yang dilengkapi hiasan sulaman benang emas. Ia sama juga dengan baju Gujerati yang labuh ke paras lutut tetapi disesuaikan di Johor, terutama dengan usaha merekabentuk kembali yang dikemas dan dipinda oleh Allahyarham Dato’ Jaafar, Menteri Besar I dalam pemerintahan Sultan Ibrahim (1886-1919): baju labuh hingga ke paras punggung, berkocek dua di bawah dan satu di bahagian dada sebelah kiri.

Orang Melayu di hampir semua negeri di Tanah Melayu dan Brunei Darussalam telah juga meneruskan ciri baju Melayu, tetapi mereka lebih memilih leher cekak musang. Istilah teluk Belanga tetap juga dipakai hingga ke kepulauan Sulu, malahan Aceh dan Sumbawa walaupun lehernya bercakak musang. Tetapi, di Semporna, Sabah, baju itu disebut sebagai baju ‘Melayu Salanggor’, kononnya ia diperkenalkan orang dari Selangor yang datang ke situ sebelum zaman pemerintahan Inggeris.

GAYA PEMAKAIAN SAMPING

Cara pemakaian samping di luar baju atau dagang/bulang luar, atau samping di bawah baju atau kain/bulang dagang dalam merupakan warisan budaya kerajaan Melayu Melaka. Gaya ini adalah untuk membezakan si pemakainya sama ada golongan bangsawan (bulang dagang luar) ataupun orang kebanyakan (bulang dagang dalam). Istilah ini kini hanya disebut sebagai ‘kain dagang dalam’ atau ‘dagang luar’ sahaja. Ciri khas samping ini juga ditentukan dengan cara memakai kepala kain di bahagian belakang di samping paras labuh kain yang melambangkan kesedaran sikap si pemakainya. Untuk orang yang berwibawa, atau ‘orang patut-patut’ atau sudah beranak dan beristeri harus memakai samping di bawah lutut – setentang jantung betis. Tetapi, anak muda boleh memakainya di atas lutut bagi ‘hulubalang masuk gelanggang’ (Effendy 1989: 8-9).

Keindahan baju Melayu Johor juga diasaskan pemahaman si pemakai memilih jenis tekstil. Untuk acara majlis rasmi, ‘berhelat tamu upacara perkahwinan’ (pengantin lelaki/ketua adat/pemimpin) songket penuh atau bunga bertabur benang emas atau perak memang wajar diketengahkan. Ia perlu disesuaikan dengan warna baju dan seluar, kerana warna itu perlambangan: putih kuning untuk golongan Raja, hijau untuk golongan Temenggung, biru untuk golongan Bendahara, merah untuk golongan Laksamana dan hitam untuk orang-orang besar. Secara alamiah, warna putih sedondon kerap dikaitkan dengan acara berkabung bagi golongan atasan Melayu; manakala sedondong hitam telah diterima untuk upacara rasmi, seperti menerima anugerah. Selain itu, jenis tekstil tenunan bercorak adalah untuk upacara setengah rasmi, seperti sembahyang hari raya dan Juma’at dan ke masjid, sementara kain samping pelekat untuk pakaian sehari-hari di rumah. Untuk acara rasmi, elok sekali samping dan bulang dagang luar digayakan dan diketengahkan.

BAJU MELAYU JOHOR ATAU TELUK BELANGA?

Setelah lebih 100 tahun, iaitu semenjak pusat pemerintahan Johor berpindah ke Tanjung Puteri pada 1886, nama baju Melayu Teluk Belanga sudah

diperkenalkan. Apakah orang Melayu Johor masih mahu mengekalkan nama itu sehingga sekarang? Daripada sudut sejarah, orang Melayu keturunan Temenggung – Bugis Melayulah yang telah mencipta nama untuk pakaian ini, walaupun didokumentasikan bahawa Sang Nila Utama telah meletakkan ‘mahkota di air’ di Teluk Belanga. Peristiwa itu juga mempunyai makna perlambangan sejarah yang tersendiri. Tambahan pula, pengertian baju Teluk Belanga tidak lagi merujuk kepada daerah Teluk Belanga yang berada di Singapura; tetapi telah menjadi milik sesiapa juga yang memakainya. Namun demikian, orang Melayu di Johor dan Kepulauan Riau yang terus mempertahankan reka bentuk baju dengan leher tebuk bulan-bulan berhias sulam tulang belut. Ciri ini jelas terkesan di mana-mana juga baju itu digayakan.

Walaupun baju Teluk Belanga terdapat juga di Aceh, Minangkabau, Jambi dan Palembang, tetapi baju itu berleher cekak musang, dan disebut sebagai baju Melayu Jambi dan baju Melayu Aceh. Baju Melayu Minang pula berleher tebuk bulan-bulan dan tidak berhias tulang belut dan bukan leher cekak musang.

Untuk memperlihatkan kehebatan budaya baju Melayu daripada masa lalu, adalah wajar nama baju Melayu Johor diketengahkan. Ia juga harus merangkumi baju kurung perempuan dengan sarung dipakai secara ombak mengalun.

RUJUKAN

- Abdullah Kadir Munsyi. 1960. *Hikayat Abdullah*. Singapura: Malaya Publishing House.
- Andaya, Barbara Watson dan Andaya, Barbara Watson, Leornard Y. 1982. *A history of Malaysia*. London: Macmillan.
- Andaya, Barbara Watson dan Leornard Y., 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad. (pyt.). 1966. *Pustaka Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (pyt.). 1983. *Sulatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (pyt.). 1985. *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azah Aziz. 1990. *Selayang pandang*. Kuala Lumpur: K Publishing.
- Buyong Adil, Haji. 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1973. *Sejarah Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1980. *Sejarah Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Effendy Tenas. 1989. *Ungkapan tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (pyt.). 1964. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Said Sulaiman. 1931. *Pakai patut Melayu*.
- Shellabear, W.G. 1984. (pyt.). *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Siti Zainon Ismail. 1991. *Pakaian cara Melayu*. Tesis Ph.d. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

_____. 1997. *Busana Melayu Johor*. Shah Alam: Yayasan Warisan Johor – Fajar Bakti.

Prof. Madya Dr. Siti Zainon Ismail
Pensyarah, Jabatan Persuratan Melayu
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia